

# Malas kelesa tangga kemiskinan

Siri 15

SEPERKARA lagi yang harus difahami bahawa, setiap insan di dunia ini dikurniai Allah 'akal', sesuatu yang tidak dikurniakan kepada makhluk lain selain dari manusia.

Setelah berusaha bersungguh - sungguh membanting tulang dengan menggunakan akal fikiran dan ikhtiar maka kita beroleh rezeki sekian-sekian banyak, katakan seorang petani mendapat seribu gantang padi pada tahun itu atau seorang nelayan mendapat sepikul ikan saja dan lain-lain seumpamanya maka barulah datang erti dan makna pepatah ini.

Bukan hanya dengan berpeleuk tubuh memangu tangan dan malas bekerja

OLEH A. SAMAD IDRIS

menyerah kepada takdir sambil berdoa dan berharap 'rezeki secupak, secupak juga takkan ia jadi segantang' adalah bertentangan dengan erti dan maksud pepatah ini yang sebenarnya.

Setelah mengetahui duduknya perkara ini, cuba kembalikan ingatan kita akan pepatah yang menjadi perbincangan kita ini iaitu, 'rezeki secupak takkan jadi segantang' itu.

Apakah ia sudah tidak sesuai lagi dengan zaman kemajuan ini atau kerana kurang kefahaman saja. Tentunya dapat kita

fikirkan bersama dan mencari jawapannya.

Ada pepatah lain yang berbunyi: Rajin dan usaha tangga kekayaan. Malas kelesa tangga kemiskinan. Membuktikan lagi kesahihan pepatah tersebut akan kebenarannya. Kekeliruan pada setengah - setengah orang mengenainya adalah sesuatu yang lumrah kerana mereka memandang secara sepintas lalu dan mendatar di atas saja tidak menyelami jauh ke dasarnya. Saya harapkan dengan penjelasan ringkas ini hendaknya akan menghilangkan kekeliruan bagi setengah - setengah pihak yang meragukannya.

